



Saya rasa Chong Wei sendiri pernah menyatakan sebelum ini kedudukan ranking bukan lagi menjadi keutamaan kepadanya. Bagi saya, persediaan untuk ke Sukan Olimpik lebih menjadi keutamaan”

Hendrawan

Fokus Olimpik

■ Hendrawan akui status ranking pertama Chong Wei bukan jadi keutamaan ketika ini

HARIAN METRO 7/6/2016

Saiful Affendy Sapran
saifulaffendy@hmetro.com.my

PM ucap tahniah

Kuala Lumpur

Status ranking pertama dunia yang akan kembali digenggam jaguh perseorangan negara Datuk Lee Chong Wei bukanlah perkara yang menjadi keutamaan jurulatih perseorangan Hendrawan.

Sebaliknya, bekas jaguh perseorangan Indonesia itu berkata, keutamaan kini adalah untuk memastikan pemain berusia 33 tahun itu dapat mempersiapkan diri dengan baik menjelang Sukan Olimpik Rio kira-kira dua bulan lagi.

“Saya rasa Chong Wei sendiri pernah menyatakan sebelum ini kedudukan ranking bukan lagi menjadi keutamaan kepadanya.

“Pendirian saya juga sama seperti Chong Wei. Bagi saya, persediaan untuk ke Sukan Olimpik lebih menjadi keutamaan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengucapkan tahniah kepada jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei kerana mengungguli Terbuka Indonesia buat kali keenam.

“Tahniah Dato’@LeeChongWei Juara Terbuka Indonesia buat kali keenam!,” katanya menerusi catatan di Twitter dan Facebooknya semalam.

Chong Wei muncul juara Terbuka Indonesia selepas

menewaskan pemain Denmark Jan O Jorgensen 17-21, 21-19, 21-17 di Istora Senayan, Jakarta, kelmarin.

Keputusan itu menyaksikan pemain ranking kedua dunia itu menyamai rekod legenda negara berkenaan iaitu Taufik Hidayat dan Ardy Wiranata.

Kali pertama Chong Wei muncul juara di Terbuka Indonesia pada 2007, sebelum menang tiga kali berturut-turut dari 2009 hingga 2011 serta 2013.

Dengan kejayaan memenangi Terbuka Indonesia buat kali keenam kelmarin, Hendrawan berkata, Chong Wei ternyata berada di landasan tepat untuk mencapai tahap kemuncak di Rio.

“Persediaan ke Sukan Olimpik sememangnya berada di landasan tepat ketika ini.

“Baki dua bulan lagi akan difokuskan untuk memper-

kemaskan taktikal, strategi dan bagaimana untuk mengawal tekanan tinggi selain meningkatkan kecergasan fizikal,” katanya.

Chong Wei akan merampas status pemain nombor satu dunia daripada jaguh China Chen Long susulan kejayaan itu apabila kedudukan ranking dikemaskini secara rasmi, Khamis ini.

Peserta TUBE catat jualan RM3.54 juta

BERITA HARIAN (M/S. 35)
7 JUN 2016

➔ Program sedia 360 peluang pekerjaan untuk belia

Oleh Aslina Abu Bakar
bhkt@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Seramai 175 belia Terengganu yang menyertai program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) kumpulan pertama dan TUBE 2.0 berjaya mencatat nilai jualan sebanyak RM3.54 juta dari Januari 2015 hingga April tahun ini.

Pengarah SME Corporation Malaysia (SME Corp) negeri, Muhammad Ibrahim, (**gambar**) berkata

sehingga kini sebanyak 360 peluang pekerjaan dapat disediakan oleh peserta TUBE berkenaan.

Katanya, melihat kepada kesungguhan belia dalam bidang perniagaan yang semakin meningkat, pihaknya menyasarkan 500 usahawan belia berusia antara 18 hingga 30 tahun dapat dilahirkan dan bagi TUBE 3.0, sebanyak RM750,000 diperuntukkan untuk negeri ini.

Kesan positif

"Bagi TUBE 2.0, SMECorp menerima 726 permohonan dan kami yakin untuk TUBE 3.0 akan bertambah kepada 1,000 pemohon.



"Pengekalan format sama melalui tiga fasa ini dilihat akan memberi kesan positif dalam mencapai matlamat melahirkan usahawan berjaya di kalangan belia.

"Menerusi fasa pertama, sesi 'boot camp' dilaksanakan bertujuan meningkatkan ketahanan jati diri, memupuk daya tahan, disiplin dan kepemimpinan yang amat penting kepada bakal usahawan.

"Seterusnya peserta didedahkan dengan pengenalan asas perniagaan, penyediaan pelan perniagaan dan perkongsian pengalaman dengan usahawan berjaya dalam fasa dua," katanya.

Tube 3.0 terus misi bantu usahawan belia

■ NOR ATIEYAH YUSOFF

PROGRAM Tunas Usahawan Belia Bumiputera (Tube) 3.0 mengekalkan sasaran melahirkan 500 usahawan belia berusia 18 hingga 30 tahun.

Pengerusi SME Corp, Tan Sri Ir Mohamed Al Amin Abdul Majid berkata, program tersebut antara usaha kerajaan melonjakkan pendapatan isi rumah.

"Golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dibantu dengan mewujudkan usahawan berjaya dalam kalangan belia Bumiputera.

"Seramai 943 belia yang menyertai kumpulan pertama dan kedua program ini, hampir 99 peratus berjaya memulakan perniagaan.

"Jumlah keseluruhan nilai jualan dijana menerusi kedua kumpulan sejak Januari 2015 sehingga April 2016 mencecah RM20.78 juta," katanya.

Kejayaan usahawan di bawah program Tube mewujudkan 1,513 peluang kerja kepada



Mohamed Al Amin (kanan) ketika pelancaran Program Tube 3.0 semasa pameran Minggu PKS 2016 peringkat Wilayah Persekutuan dan Selangor di Medan Mara.

mereka yang memerlukan.

Beliau berkata, fasa ketiga Tube turut mengekalkan format sama dilihat memberi kesan positif dan holistik.

"Dalam fasa pertama, sesi *bootcamp* dilaksanakan bagi meningkatkan ketahanan jati diri, pupuk daya tahan, disiplin dan kepimpinan kepada bakal usahawan.

"Peserta seterusnya didedahkan dengan pengenalan

asas perniagaan, penyediaan pelan dan perkongsian pengalaman bersama usahawan terdahulu," katanya.

Menerusi fasa ketiga iaitu pelaksanaan perniagaan pula, peserta dibimbing dalam pengurusan perniagaan dengan bantuan sistem buddy daripada kaunselor perniagaan SME Corp Malaysia.

Peserta yang layak dan berjaya menamatkan Fasa

Satu dan Kedua akan diberi bantuan kewangan dalam bentuk geran bernilai RM15,000 seorang.

Penyertaan bagi Tube 3.0 itu akan dilaksanakan di 10 lokasi Kem PLKN seluruh negara.

Mereka yang berminat boleh melayari laman sesawang tube.smecorp.gov.my bagi pendaftaran atas talian yang dibuka dari 1 hingga 15 Jun ini.

Harimau Malaysia teruskan perjuangan

SINAR HARIAN (M/S. 56)

7 JUN 2016



Pemain Harimau, Khair Jones meraikan jaringan bersama rakan ketika menentang Timor Leste di Stadium Larkin, malam tadi.

HARIMAU Malaysia menempah slot ke peringkat seterusnya dalam Kelayakan Piala Asia 2019 selepas menang 3-0 ke atas Timor Leste dalam perlawanan kedua play-off di Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Larkin, di sini, semalam, lapor *SHAFIQ TINO*.

Skuad Kendalian Ong Kim Swee mara dengan keputusan agregat 6-0 sekali gus melayakkan mereka kembali bersaing dalam peringkat kumpulan kejohanan berkenaan.

Pada perlawanan malam tadi, bintang Melaka United, Khair Jones Jefri terdahulu meletakkan tuan rumah di depan apabila menyempurnakan hantaran kemas daripada Hazwan Bakri

pada minit ke-15.

Pemain kelahiran New Zealand itu menang meledak gol pertama Harimau Malaysia walaupun baharu merekodkan *caps* pertama untuk skuad kebangsaan.

Babak kedua menyaksikan penguasaan terus berpihak kepada Harimau Malaysia walaupun skuad negara lebih berada dalam kedudukan bertahan.

Minit ke-57, pertahanan, Azriff Nasrulhaq yang lincah melakukan gerakan di bahagian kanan membantu pasukan negara mencipta gol kedua apabila hantaran lintangnya ditanduk kemas Hazwan Bakri terus ke jaring gol.

Skuad negara melengkapkan

malam gemilang tersebut dengan jaringan ketiga pada minit ke-68 menerusi S Chanturu yang melakukan *volley* hasil daripada hantaran jauh rakan sepasukan di JDT, S Kunanlan.

Untuk rekod, Malaysia akan menyertai 23 pasukan lain dalam saingan kelayakan tahun depan yang mana kesemua 24 pasukan akan dibahagikan dalam enam kumpulan dengan dua pasukan teratas setiap kumpulan layak ke peringkat akhir.

12 negara telah layak ke Piala Asia 2019 antaranya UAE sebagai tuan rumah, Qatar, Korea Selatan, Jepun, Thailand, Arab Saudi, Australia, Uzbekistan, Syria, Iraq, Iran, dan China.

Vivian tekad pamer aksi lebih baik di Terbuka Australia

KOSMO (M/S.61)

7 JUN 2016

SELEPAS dikecewakan pasangan China, Yu Yang-Tang Yuanting pada aksi separuh akhir kejohanan badminton Siri Super Premier Terbuka Indonesia, Sabtu lalu, pemain beregu wanita kebangsaan, Vivian Hoo tekad untuk mempersembahkan aksi yang lebih baik pada Siri Super Terbuka Australia bermula hari ini.

Sebelum ini, Vivian mengakui, ketika dia dan pasangan, Woon Khe Wei tewas kepada pasangan China itu, dia banyak melakukan kesilapan pada pertemuan tersebut sehingga menyaksikan impian mereka untuk melangkah ke pentas final lebur biarpun sudah menyingkirkan pilihan kedua kejohanan, Anggia Shitta Awanda-Ni Ketut Mahadewi pada suku akhir.

Ujar Vivian, pada kejohanan

kali ini, dia berazam untuk memperagakan aksi yang lebih baik selain sedia untuk menewaskan Yu Yang-Yuanting sekiranya dijadualkan bertemu pada kejohanan yang berlangsung di Sydney, Australia itu.

"Saya mahu lupakan kekalahan tempoh hari dan fokus kepada Terbuka Australia pula. Memang kecewa apabila tidak dapat melangkah ke perlawanan akhir pada Terbuka Indonesia, namun kami perlu pandang ke hadapan. Saya harap tidak ulangi kesilapan yang dilakukan pada perlawanan tempoh hari.

"Sekiranya bertemu mereka (Yu Yang-Tang Yuanting) lagi pada kejohanan ini, saya pasti akan mengkaji corak permainan mereka kerana kami sedar, bu-



VIVIAN (kiri) mahu melupakan aksi hambar pada Terbuka Indonesia, sebaliknya mahu bangkit lebih garang pada Terbuka Australia minggu ini.

kan mudah untuk menewaskan mereka. Kami sedia untuk cuba bermain dengan gaya berbeza jika diundi menentang mereka,"

katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Ketika ditanya mengenai sama ada dia akan bermain lebih ber-

hati-hati memandangkan mereka akan beraksi pada Sukan Olimpik 2016, pemain berusia 26 tahun itu menegaskan, mereka sentiasa cuba melakukan yang terbaik pada setiap kejohanan yang disertai bagi mendapatkan keputusan yang dimahukan.

"Kami memang sentiasa kerah segala tenaga apabila beraksi pada setiap kejohanan kerana menerusi aksi terbaik sahaja kami mampu melangkah lebih jauh. Jadi, kami akan fokus kepada kejohanan ini terlebih dahulu," tambahnya.

Selepas kejohanan Terbuka Australia berakhir, pasangan No. 1 negara itu akan berlepas ke Taiwan untuk menyertai Grand Prix (GP) Emas Terbuka Taiwan yang dijadualkan bermula 28 Jun ini hingga 3 Julai depan.

Just Phee-nomenal

THE STAR (M/S.36)

7 JUN 2016

Jinq En becomes first Malaysian to win swim race in Europe

By LIM TEIK HUAT

PETALING JAYA: Teenager Phee Jinq En (*pic*) made swimming history for Malaysia after powering to gold in the women's 50m breaststroke event at the Mare Nostrum Tour in Monaco.

The 18-year-old came out tops in a head-to-head duel with World Championship finalist Maritta Garcia Urzainqui of Spain on Sunday evening, posting 31.66 sec-

I didn't expect this timing, this was my fifth sprinting race in two days ... but once I put on my goggles and dived in the water, I just sprinted to the finish.

Phee Jinq En

onds to smash her own national record of 31.80 set at the World Cup meet in Dubai last November.

The Spanish swimmer clocked 32.51 for the silver. Jinq En and Urzainqui were the finalists after clocking 31.99 and 32.18 in the semi-final heat.

The 50m breaststroke is part of



the Speed Tournament (also for the 50m freestyle, butterfly and backstroke races).

Jinq En is the first Malaysian to make the top of the podium in a European swimming meet and is, undeniably, delighted to go one better after taking silver in the 100m breaststroke on Saturday.

Altogether, she swam five 50m races over two days.

"I didn't expect this timing, this was my fifth sprinting race in two days, plus I had to swim two 100m and another 200m breaststroke in the morning. So, basically I was

burnt out.

"But once I put on my goggles and dived in the water, I just sprinted to the finish," said Jinq En, the SEA Games gold medallist in Singapore last year.

There was more joy as Rio Olympic-bound Welson Sim clinched bronze in the company of world-class opposition in the 200m freestyle A final.

The 19-year-old posted 1:49.29 to take bronze ahead of South Africa's Devon Brown, who finished fourth in 1:49.67.

Olympic and Commonwealth

champion Chad Le Clos of South Africa just beat Welson to the silver in 1:49.28.

Paul Biedermann of Germany, the world record holder in the event, took gold in 1:46.71.

Welson took silver in the 400m freestyle on Saturday.

Wong Fu Kang and Erika Kong made the B finals for men's 100m breaststroke and women's 200m breaststroke and finished seventh (1:04.79) and third (2:39.53).

The next two meets are in Canet-en-Roussillon, France (June 8-9) and in Barcelona, Spain (June 11-12).

info

KEJOHANAN BOLING TERBUKA WICHITA PWBA

KEPUTUSAN

Match play - Kumpulan A

- > **Maria Jose Rodriguez (AS)** 5,480 (raih kedudukan pilihan kedua untuk *stepladder* berdasarkan jumlah jatuhan pin)
- > **Syaidatul Afifah Badrul Hamidi (MALAYSIA)** 5,447
- > **Amanda Greene (AS)** 5,417
- > **Diana Zavjalova (Latvia)** 5,407
- > **Cassandra Leuthold (AS)** 5,351
- > **Ingellimar Beasley (AS)** 5,162

Match play - Kumpulan B

- > **Danielle McEwan (AS)** 5,590 (raih kedudukan pilihan pertama untuk *stepladder* berdasarkan jumlah jatuhan pin)
- > **Shannon Pluhowsky (AS)** 5,530
- > **Sin Li Jane (MALAYSIA)** 5,427
- > **Kelly Kulick (AS)** 5,370
- > **Rocio Restrepo (AS)** 5,369
- > **Carolyn Dorin-Ballard (AS)** 5,3581

Stepladder Kumpulan A

- > Semifinal
Zavjalova kalahkan Greene 246-224
- > Final
Syaidatul Afifah kalahkan Zavjalova, 300-209 (Syaidatul Afifah raih pilihan keempat untuk *stepladder* berdasarkan purata skor).

Stepladder Kumpulan B

- > Separuh akhir
Sin Li Jane kalahkan Kulick
- > Final
Pluhowsky kalahkan Sin Li Jane (Pluhowsky raih kedudukan pilihan ketiga untuk *stepladder* berdasarkan purata skor).

Pusingan akhir *stepladder*

- > Suku akhir
Syaidatul Afifah lawan **Pluhowsky**
- > Separuh akhir
Rodriguez lawan **Syaidatul Afifah/Pluhowsky**
- > Final
McEwan lawan **pemenang separuh akhir**
(Suku akhir, separuh akhir dan akhir akan berlangsung pada 26 Jun)



SYAIDATUL AFIFAH BADRUL HAMIDI akan bersaing dalam pusingan akhir Terbuka Wichita PWBA, AS pada 26 Jun ini.

UTUSAN MALAYSIA (W.S. 25)

Afifah tekad muncul juara di Wichita

7 JUN 2016

KUALA LUMPUR 6 Jun - Selepas berjaya meloloskan diri ke pusingan akhir *stepladder*, pemain boling negara Syaidatul Afifah Badrul Hamidi memasang impian besar untuk muncul juara dalam kejohanan Terbuka Wichita Peratuan Boling Profesional Wanita (PWBA) di Amerika Syarikat (AS), 26 Jun ini.

Bersemerang tinggi setelah mencipta kejutan dengan melakukan *perfect game* untuk mara ke pusingan akhir *stepladder* ketika menewaskan Diana Zavjalova dari Latvia 300-290 semalam, namun Syaidatul Afifah berkata dia akan tetap membuat persediaan rapi dalam usaha merangkul kejayaan.

"Sasaran saya memang nak ke *final* tapi bukan senang nak menewaskan pemain profesional dunia. Apabila dapat tahu saya

lawan Diana, saya rasa ada sedikit risau.

"Tetapi apabila mula menjalani latihan balingan sebelum perlawanan, saya dapat rentak saya dan rasa yakin serta tak fikir mengenai Diana walaupun dia pernah menjadi juara PWBA," katanya.

"(Dapat) layak ke *final*, alhamdulillah. Jadi sasaran saya (kali ini) untuk menjadi juara dan kena bekerja keras," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, pemain berusia 25 tahun itu berkata, dia berkeungkinan berdepan kesukaran dengan penggunaan lorong dalam pusingan akhir *stepladder* nanti.

"Kesukaran mungkin dari segi lorong sebab akan main di lorong yang berbeza daripada kelayakan ke *final*," katanya.